

Dadah dalam

Metro 12/2/2012 ms 3.

kotak pengisar

>>Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

sitiaisyah@hmetro.com.my

SEPANG: Tiga lelaki warga asing ditahan secara berasingan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini, selepas dipercayai menyeludup dadah jenis ketamin dan syabu bernilai RM1.68 juta ke negara ini.

Dalam kes pertama, seorang lelaki warga India berusia 38 tahun yang tiba dari Hyderabad, India, ditahan pada 1 Februari lalu selepas menyembunyikan ketamin seberat 7.95 kilogram (kg) bernilai RM1.43 juta dalam sebuah kotak mengandungi alat pengisar.

Timbalan Pengarah Kastam KLIA, Siti Baya Berahan berkata, sebaik kotak itu melalui mesin pengimbas, ia menunjukkan imej meragukan dan pegawai kastam meminta suspek membukanya.

"Pemeriksaan terperinci dilakukan kemudian menjumpai dua bungkus dadah disorok di ruang paling bawah kotak itu," katanya pada sidang media di Kompleks Kastam KLIA, semalam.

Dalam kes kedua, seorang lelaki warga Nigeria berusia 27 tahun menaiki pesawat dari Lagos, Doha, ditahan pada jam 11 malam, Khamis lalu kerana menyembunyikan dadah dengan cara menelan 75 ketulan kecil kondom berbalut plastik disyaki

berisi syabu.

Menurutnya, lelaki itu terkesan membawa dadah ketika melakukan imbasan badan, sekali gus menemui imej meragukan dalam perut suspek.

"Suspek dirujuk ke Hospital Serdang untuk pemeriksaan lanjut bagi mendapatkan dadah di dalam perutnya melalui kaedah buang air besar.

"Setakat ini, lelaki itu mengeluarkan 35 ketulan kecil kondom yang disyaki mengandungi dadah dan kita dang menunggu baki 40 ketulan lagi. Semua dadah yang dikeluarkan itu bernilai RM200,000," katanya.

Dalam kes ketiga, seorang lelaki warga Bangladesh tiba dari Dhaka ditahan pada jam 2.20 pagi kelmarin kerana membawa masuk syabu seberat 6.15 kg bernilai RM1.5 juta dengan menyembunyikannya dalam ruang khas di dalam dua bagasi.

Siti Baya berkata, hasil pemeriksaan pada bagasi pertama mendapati ruang bawah beg itu ditutup rapi dan apabila dibuka, ditemui satu lapisan keras mengandungi serbuk kristal putih dipercayai dadah.

"Pemeriksaan pada bagasi kedua pula mendapati wujud ruangan berasingan dan pada setiap ruang itu mengandungi serbuk kristal putih yang dipercayai syabu," katanya.

Katanya, bagi kes pertama,



RAMPAS... Siti Baya (kiri) bersama pegawai, Yusaimi Yusof menunjukkan dadah yang dirampas

suspek ditahan reman selama 14 hari untuk tujuan siasatan, manakala suspek kes kedua dan ketiga ditahan reman selama tujuh hari.

Ketiga kes berkenaan diasiat mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 dan jika sabit kesalahan boleh membawa hukuman mati mandatori.

Sementara itu, beliau berkata, bermula 1 Januari hingga Jumaat lalu, sebanyak enam kes penyeludupan dadah di KLIA dan Terminal Penerbangan Tambang Murah (LCCT) berjaya dipatahkan.

"Ia membabitkan 34.8 kg dadah pelbagai jenis bernilai RM6.85 juta," katanya.